

Artikel

Naratif Politik ‘Khianat’ Dalam Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15): Analisis 11 Kerusi Parlimen Panas

(The Narrative of Political ‘Betrayal’ in the 15th General Election: An Analysis of 11 Parliamentary Hot Seats)

Shahidah Abdul Razak¹, Fadhurul Hisham Aziz¹, Mohd Faiz Ismail¹ & Norashikin Mohd Mokhtar²

¹Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, Universiti Teknologi MARA, 70300, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia

²Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA, 70300, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia

*Pengarang Koresponden: shahidah056@uitm.edu.my

Diserah: 28 Februari 2024

Diterima: 10 Mei 2024

Abstrak: Artikel ini berhujah bahawa Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang diadakan pada November 2022 merupakan satu titik perubahan bagi Pakatan Harapan (PH) terutama sekali PKR untuk merampas kembali 11 kerusi ahli parlimen mereka yang telah berpaling tadah sewaktu ‘Langkah Sheraton’. Dihujahkan bahawa naratif khianat telah dibangkitkan sebagai satu strategi mobilisasi yang mampan dalam usaha untuk mengukuhkan semula identifikasi kepartian dalam konteks PH-PKR sebagai satu simbol untuk menggugat keberadaan rejim hibrid. Objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauhmanakah PKR mengolah naratif politik khianat untuk mengukuhkan kedudukan kepartian mereka di dalam konteks PRU15. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif sebagai teknik untuk mengumpul, memperoleh, dan menganalisis data. Penulis juga berkesempatan untuk menjadikan kajian lapangan sebagai salah satu teknik untuk memperoleh data primer dengan mengunjungi beberapa kawasan Parlimen yang terpilih dan berkaitan dengan kajian penulis. Hasil kajian ini mendapati bahawa naratif politik yang dibangkitkan oleh PKR telah berjaya diolah dan hasilnya PKR berjaya merampas kembali beberapa buah kerusi tradisi mereka. Kajian ini mempersembahkan satu kerangka baharu di dalam konteks kajian pilihan raya dan politik Malaysia di mana ia dilihat sebagai satu platform yang berpotensi untuk dijadikan rujukan umum dan rujukan dasar.

Kata kunci: Kerusi panas; khianat; Pilihan Raya Umum Ke-15; Barisan Nasional; Pakatan Harapan

Abstract: This article argues that the 15th General Election (GE15) held in November 2022 is a turning point for Pakatan Harapan (PH) especially PKR to reclaim the 11 seats of their MPs who defected during the ‘Sheraton Move’. It is argued that the narrative of treachery has been raised as a sustainable mobilization strategy re-establish party identification in the context of PH-PKR as a symbol to challenge the existence of the hybrid regime. The objective of this study is to see to what extent PKR cultivates a treacherous political narrative to strengthen its party's position in the context of GE15. This study uses a descriptive qualitative approach as a technique to collect, acquire, and analyze data. The writer also had the opportunity to make field research one of the techniques to obtain primary data by visiting several selected parliamentary areas related to the writer's study. The findings of this study suggested that the political narrative raised by PKR has been successfully processed and as a result, PKR succeeded in recapturing some of their traditional seats. This study presents a new framework in the context of the study of Malaysian elections and politics where it is seen as a potential platform for general reference and policy reference.

Keywords: Hot seats; betrayal; 15th general election; Barisan Nasional; Pakatan Harapan

Pengenalan

Malaysia menyaksikan satu perubahan politik besar dan pertukaran kepimpinan di peringkat persekutuan dan negeri apabila parti dominan Barisan Nasional (BN) yang dianggotai oleh United Malays National Organisation (UMNO), Malaysian Chinese Association (MCA), dan Malaysian Indian Congress (MIC) telah ditumbangkan buat pertama kali di dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14) yang diadakan pada Mei 2018. Majoriti pengundi memberikan mandat mereka kepada gabungan pembangkang Pakatan Harapan (PH) yang dibarisi oleh Parti Keadilan Rakyat (PKR), Democratic Action Party (DAP), Parti Amanah Negara (AMANAH), dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU). Walaupun ramai yang menjangkakan bahawa BN bakal kembali berkuasa di dalam PRU14 namun ia telah disanggah dengan penolakan yang nyata daripada rakyat yang rata-rata tidak berpuas hati dengan corak kepimpinan BN-UMNO yang diterajui oleh perdana menteri Najib Tun Razak (Azlan & Mohamed Noor, 2023). Di bawah pentadbiran beliau, kuasa politik dipusatkan sepenuhnya dan pendekatan autoritarianisme telah dijadikan sebagai mekanisme utama yang akan mengawal gelagat politik yang dilihat kritikal dan tidak selari dengan pendapat semasa.

Namun setelah rakyat diperlihatkan dengan keadaan yang sedemikian dan timbulnya keresahan ekonomi yang tiada penghujung serta dasar-dasar yang tidak popular dan penyelewengan kuasa melibatkan pemimpin-pemimpin utama dari BN, maka parti dominan itu menemui titik noktah di dalam perancangan kuasa mereka. Apabila PH yang diterajui oleh perdana menteri baharu iaitu Mahathir Mohamad mula menjejakkan langkah di koridor kuasa, maka rejim baharu yang dilihat mesra demokrasi itu mula dihujani dengan pelbagai dugaan politik. Di atas kekalutan ini, parti pembangkang UMNO dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mula mengolah posisi mereka sebaik mungkin dengan menjadikan orang Melayu sebagai benteng sokongan mereka. Pentadbiran PH telah diserang hebat di atas 'kegagalan' mereka untuk melindungi dan memperkasakan agenda orang Melayu dan Islam. Parti pembangkang juga memperlihatkan kepada umum bahawa gabungan PH ini seolah-olah telah dikuasai secara halus oleh DAP dan ini berpotensi untuk membuka satu ruang baharu di mana hak dan keistimewaan orang Melayu itu telah dicabar dan terkikis dari semasa ke semasa. Melihat ini sebagai satu peluang keemasan, UMNO dan PAS memanfaatkan persefahaman mereka dengan menubuhkan Muafakat Nasional (MN) bertujuan untuk membawa suara Melayu Islam ke satu sudut yang lebih luas.

Akibatnya, naratif yang dibawa oleh MN itu dilihat mula memasuki pemikiran orang ramai, terutamanya orang Melayu. Andaian ini dikuatkan lagi apabila BN berupaya untuk menempa kejayaan mereka di dalam beberapa siri pilihan raya kecil (PRK) yang diadakan pada pasca-PRU14. Titik kemuncak daripada ini bermula apabila salah satu parti komponen daripada PH iaitu BERSATU memilih untuk meninggalkan gabungan itu dan ia disertai oleh beberapa ahli PKR lain membentuk sebuah kerajaan baharu yang dikenali sebagai Perikatan Nasional (PN) dan diterajui oleh Muhyiddin Yassin sebagai perdana menteri ke-8 daripada BERSATU dan beberapa parti lain seperti BN, PAS, dan lain-lain lagi. Gerakan ini dikenali sebagai 'Langkah Sheraton' di mana ia berlaku pada lewat Februari 2020 dan buat pertama kalinya kerajaan PH yang memimpin melalui mandat pengundi telah digulingkan tanpa melalui proses pilihan raya (Nadzri 2022). Walaupun dilihat tidak selari dengan semangat demokrasi yang telah dipupuk sekian lamanya namun peralihan kuasa yang berlaku itu tetap tidak berganjak dan malah ia kekal beroperasi sehingga ke suatu tempoh.

Di antara yang terkesan di sebalik penggulingan ini adalah PKR di mana terdapat sekurang-kurangnya 11 orang ahli parlimen (MP) daripada parti itu bertindak khianat dengan membelakangi parti mereka dan menubuhkan kerajaan bersama dengan gabungan kepembangkangan yang lain. Kehadiran pandemik global seperti Covid-19 juga menyulitkan lagi urusan politik sehinggakan kerajaan PN mula mengenakan perintah kawalan pengurangan (PKP) ke seluruh negara dan ini sekaligus membantutkan perjalanan demokrasi apabila parlimen tidak berupaya untuk beroperasi sepenuhnya dan segala urusan dasar dipusatkan di tangan pemerintah. Perseteruan di kalangan PN, PH, dan BN dan ketidakstabilan politik akhirnya menemui jalan keluar apabila perdana menteri ke-9 iaitu Ismail Sabri dari UMNO yang menggantikan Muhyiddin akibat tidak lagi mendapat kepercayaan di kalangan ahli parlimen telah bertindak membubarkan dewan rakyat bagi memberikan laluan kepada pilihan raya umum ke-15 (PRU15).

Oleh itu, kajian ini berhujah bahawa prestasi PH-PKR didorong terutama sekali oleh naratif khianat yang dipopularkan oleh pengerusi PH iaitu Anwar Ibrahim dalam usaha untuk membasmi musuh politik mereka. Objektif utama di dalam kajian ini adalah untuk melihat sejauh manakah naratif khianat itu berjaya menembusi segmen pemikiran pengundi melalui strategi berkempen yang dilihat begitu agresif dan mencabar sehinggakan PRU15 ini dinobatkan sebagai ibu kepada segala pilihan raya. Chin (2023) berhujah bahawa PRU15 ini merupakan proses demokrasi yang luar biasa di mana tidak terdapat sebarang pemain politik yang dilihat sebagai dominan.

Sorotan Literatur

Melihat kepada penghujahan yang ditawarkan di dalam bahagian pengenalan kajian ini, maka adalah bersesuaian jika analisis yang diolah di dalam ini menemukan titik kesarjanaan yang berpunca daripada kerangka identifikasi kepartian. Sebahagian sarjana sains politik yang cenderung untuk mengkaji persaingan kepartian yang bersifat kompetitif (Levitsky & Way 2010) dan juga tingkah laku dan sentimen pengundi, mereka memberikan sandaran khusus ke atas pengoperasian identifikasi kepartian. Lamare (1984) berhujah bahawa identifikasi kepartian ini berdiri sebagai satu daya yang signifikan di dalam proses pilihan raya dan ia juga memainkan peranan yang dominan di dalam pemilihan pengundian. Dihujahkan lagi bahawa identifikasi parti ini adalah produk akhir yang terbentuk selepas pengundi mengambil kira beberapa aspek yang dilihat bertepatan sebelum mereka boleh membuat keputusan untuk memilih sesuatu parti itu. Menguatkan lagi penghujahan tersebut, Bartle (2001) menyatakan bahawa identifikasi kepartian adalah salah satu daripada tingkah laku politik yang asas dan ia juga merupakan satu fenomena politik yang bertahan. Jika identifikasi parti ini mencapai kepada satu tahap yang lebih kukuh maka ia akan mengakibatkan satu implikasi yang besar ke atas corak pertandingan di dalam pilihan raya.

Di dalam konteks Malaysia, pengukuhan rejim dominan seperti BN adalah satu manifestasi khusus bahawa identifikasi kepartian ini kekal relevan untuk satu tempoh masa yang sangat panjang. Apabila kedudukan BN mula goyah terutama sekali di dalam pilihan raya umum 2008 di mana gabungan itu gagal untuk mengecapi sokongan dua-pertiga di dalam parlimen, maka identifikasi parti itu mula kabur dan perubahan politik itu seterusnya dibingkaikan ke arah sistem yang lebih terbuka di mana pengundi mula beralih arah secara perlahan-lahan dengan melihat kepada alternatif yang baharu. Sedikit demi sedikit kerangka semi-otoritarian itu mula dicabar (Azlan & Nadzri 2023). Ini dijadikan sebagai penghujahan apabila BN kehilangan negeri Selangor, Pulau Pinang, dan beberapa negeri yang lain di dalam pilihan raya umum 2008 dan digantikan dengan blok pembangkang iaitu Pakatan Rakyat (PR) dan status quo itu kekal sehingga ke hari ini walaupun ia bertukar kepada sesuatu nama dan komposisi kepartian yang lain. Selain itu, dinyatakan juga bahawa identifikasi kepartian itu bersifat stabil di peringkat individu dan pada waktu yang sama juga ia boleh berubah mengikut keadaan. Seperti contoh, pengaruh kerajaan ke atas seseorang individu itu adalah lebih penting berbanding dengan pengaruh kerajaan ke atas sistem ekonomi negara secara keseluruhan (Lockerbie 2002). Apa yang menjadikan faktor identifikasi kepartian ini begitu signifikan adalah satu bentuk pengecaman seseorang itu ke atas mana-mana parti politik yang diminatinya dan pengecaman ini bagaimanapun bergantung kepada prestasi parti itu, dan apakah yang disampaikan oleh parti itu di dalam apa jua bentuk sama ada melalui dasar atau pun ideologi kepartian yang berbentuk semangat kebangsaan atau keagamaan.

Dalam hal ini, pengundi di Kelantan, seperti contoh, secara konsisten memberikan kemenangan kepada PAS selama lebih daripada dua dekad dan ini dihujahkan bahawa ideologi kepartian PAS memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mewujudkan identifikasi kepartian sehingga berjaya menafikan prestasi parti lawan yang lain. Identifikasi kepartian ini juga boleh didefinisikan sebagai satu bentuk proses pengecaman pengundi ke atas parti politik. Dihujahkan juga bahawa identifikasi kepartian ini meramal sokongan ke atas sistem politik dan pemainnya. Jika orang ramai menjadi terlalu terikat kepada parti politik yang mewakili kepentingan dan pandangannya maka mereka akan mewujudkan integrasi dan membentuk kepercayaan yang tinggi (Soderlund & Kekkonen 2009).

Sejarah juga pernah membuktikan bahawa pendominasian UMNO di dalam konteks politik tempatan selama lebih daripada separuh abad adalah satu indikator identifikasi kepartian yang menebal terutama sekali di kalangan pengundi Melayu kategori luar bandar. Namun apabila peratusan undi popular tertinggi itu mula diraih oleh blok pembangkang pada pilihan raya umum 2008 dan seterusnya maka ia menguatkan lagi penghujahan sarjana bahawa identifikasi kepartian ini cenderung untuk berubah mengikut keadaan semasa.

Jika sebelum ini, sebahagian besar rakyat bersifat sederhana dalam urusan membuat pilihan di kotak pengundian dan merasakan bahawa autoritarianisme adalah jalan penyelesaian bagi mengukuhkan koridor kuasa namun kemelesetan legitimasi BN adalah petanda awal di mana budaya politik tempatan itu mula untuk disesuaikan dengan karakter-karakter yang lebih demokratik. Dihujahkan juga bahawa pendekatan seperti politik manipulasi tetap tidak terlepas dari dibahaskan sebagai alatan khusus untuk merencanakan kuasa (Moten 2020). Walaupun pasca PRU-14 itu tidak menampakkan bahawa pendemokrasian itu benar-benar direncanakan sepenuhnya namun ia tetap dianggap sebagai sesuatu yang menarik untuk dikaji dengan lebih lanjut. Ini seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah rejim hibrid yang kental di atas kedinamikannya yang tersendiri dan berupaya untuk menyesuaikan diri mengikut persekitaran yang pelbagai.

Metodologi Penyelidikan

1. Rakabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif di mana analisis mengenai prestasi parti yang bertanding di dalam PRU15 telah diolah dengan menggunakan sumber primer seperti data statistik yang diperoleh dari suruhanjaya pilihan raya (SPR). Naratif yang dimuatkan ke dalam kajian ini juga adalah hasil daripada rujukan yang diperoleh daripada sumber seperti surat khabar, portal berita di laman sesawang, dan sebagainya. Tidak ketinggalan juga di mana penulis melakukan pemerhatian lapangan di beberapa lokasi selama beberapa minggu untuk melihat secara langsung proses pilihan raya dan juga persaingan kepartian di peringkat akar umbi.

2. Teknik Pengumpulan Data

Pendekatan seperti kajian lapangan telah digunakan dengan melawat beberapa buah negeri seperti di Negeri Sembilan, Selangor, dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kaedah seperti temu bual secara tidak berstruktur melibatkan enam orang informan untuk mendapatkan pandangan mereka berkenaan dengan corak mengundi dan sokongan semasa ke atas parti yang bertanding. Sewaktu kajian lapangan dijalankan, penulis tidak menetapkan jumlah informan yang perlu untuk ditemu bual dan merasakan wajar dengan bilangan yang ada kerana kajian kualitatif deskriptif ini juga melihat kepada sumber data yang lain seperti pemerhatian lapangan, surat khabar, dan sumber sekunder seperti artikel dan buku. Temu bual tidak berstruktur ini dijadikan sebagai sumber data primer untuk menghasilkan analisa yang bertepatan dengan penghujahan yang dikemukakan di dalam kajian ini.

2. Teknik Analisis Data

Kaedah seperti teknik tematik digunakan sepenuhnya untuk menghasilkan analisis di dalam kajian ini di mana konsep-konsep penting diposisikan bagi untuk menghasilkan persepektif dan analisis yang bertepatan dengan kerangka kajian ini. Selain daripada hasil temu bual yang tidak berstruktur, kajian ini juga bersifat terbuka di mana ia konteks analisis dilihat dari sudut data primer dan sekunder seperti surat khabar, buku dan artikel yang boleh didapati dengan mudah. Kesemua data ini dikumpulkan dan dilihat dengan teliti dalam usaha untuk menghasilkan analisis yang bersandarkan kepada gaya pengolahan bersifat kualitatif dengan melihat kepada makna di sebalik sesuatu yang berlaku dalam kerangka politik pilihan raya.

Hasil Kajian

1. Keputusan PRU15 di Malaysia

Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15) diadakan pada 19 November 2022. Dihujahkan bahawa keputusan untuk mengadakan PRU15 adalah disebabkan oleh suhu ketidakstabilan politik yang semakin tinggi. Apabila kerajaan PH digulingkan pada hujung Februari 2020 melalui gerakan 'Langkah Sheraton', percaturan kuasa sesama gabungan kepartian dilihat semakin agresif dan tidak berhenti. Sehingga apabila BN-UMNO memenangi pilihan raya negeri (PRN) Melaka dan Johor yang diadakan pada November 2021 dan Mac 2022 dengan majoriti lebih dari dua-pertiga dan berjaya membentuk kerajaan sendiri tanpa perlu mengadakan kerjasama dengan parti-parti yang lain.

Ini telah memberikan BN tahap keyakinan yang berganda bahawa gabungan itu merasakan bahawa perlu nya diadakan pilihan raya dengan kadar yang segera demi untuk kembali memerintah dengan bersandarkan kepada mandat yang diberikan oleh rakyat. Selain daripada untuk menangkis persepsi yang berlegar di kalangan orang ramai bahawa kerajaan mereka merupakan kerajaan ‘pintu belakang’ dan ‘tebuk atap’, adalah menjadi sebahagian daripada strategi BN untuk bergerak secara sendirian kerana mereka percaya bahawa pertandingan melebihi dua penjurong ini bakal memberikan kemenangan kepada mereka. Pada waktu yang sama, kerajaan PN di bawah pimpinan Muhyiddin juga diasak dan ditekan dengan hebat oleh UMNO sehingga pada akhirnya sokongan kepada kerajaan PN ditarik balik dan Muhyiddin meletakkan jawatan dan pada Ogos 2021, Ismail Sabri dari UMNO dilantik sebagai perdana menteri ke-9.

Jadual 1. Keputusan PRU15 di Malaysia

Parti Bertanding	Parlimen	
	Kerusi Ditandingi	Kerusi Dimenangi
Pakatan Harapan (PH)	220	82
Perikatan Nasional (PN)	171	74
Barisan Nasional (BN)	178	30
Gabungan Parti Sarawak (GPS)	31	23
Gabungan Rakyat Sabah (GRS)	13	6
Parti Warisan Sabah (WARISAN)	52	3
Lain-Lain/Calon Bebas	120	4
Jumlah	785	222

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2022)

Hasil kajian mendapati bahawa keputusan PRU15 tidak memberikan sebarang keuntungan kepada mana-mana gabungan kepartian. Buat pertama kalinya di dalam sejarah politik negara menyaksikan satu keputusan pilihan raya yang tergantung di mana tidak terdapat gabungan politik yang mempunyai jumlah kerusi parlimen yang mencukupi untuk membentuk kerajaan (Ostwald & Nadzri 2023). Seperti yang dipamerkan di Jadual 1, PH memperolehi sebanyak 82 kerusi parlimen, manakala PN berjaya memenangi sebanyak 74 kerusi. BN pula hanya meraih sebanyak 30 kerusi. Dan PRU15 ini menyaksikan kegagalan terbesar BN terutama sekali UMNO semenjak PRU14. Ternyata jangkaan BN meleset sama sekali di mana pertandingan banyak penjurong pada kali ini tidak menguntungkan sesiapa. Jika di dalam PRU14, ia mungkin berpihak kepada PH apabila pertentangan itu melibatkan BN dan juga PAS tetapi senario pada kali ini berbeza. Dari sudut PH, gabungan itu berjaya memposisikan jenama kepartian mereka tanpa perlu menjadikan bekas perdana menteri Mahathir Mohamad sebagai figura yang mampu untuk menarik undi dari blok Melayu. Walaupun tidak berjaya melepasi jumlah majoriti mudah namun sekurang-kurangnya tahap sokongan kepada PH (tanpa Mahathir dan BERSATU seperti di dalam PRU14) adalah nyata dan jelas. Ketidakstabilan politik pada pasca-PRU14 telah mengakibatkan perpecahan kepartian yang ketara dan akhirnya telah memberikan impak yang serius kepada keputusan PRU15.

Dalam hal ini, boleh dilihat apabila perpecahan yang berlaku di peringkat kepartian juga mempengaruhi persekitaran akar umbi. Sesuatu parti yang memilih untuk keluar daripada mana-mana gabungan politik juga secara tidak langsung telah menarik sekali penyokong dan pengundi tegar mereka di peringkat akar umbi. Ini menguatkan lagi bahawa identifikasi kepartian di dalam konteks PRU15 itu masih lagi relevan dan sesuai untuk dijadikan sandaran teoritikal. Selain itu, PRU15 ini walaupun tidak memenangkan mana-mana gabungan namun bagi PN ia adalah sesuatu yang di luar jangkaan di mana ini adalah medan pertarungan buat pertama kalinya bagi gabungan itu dan berjaya mencatatkan jumlah yang tinggi dan sekaligus mengatasi pencapaian BN. Kerjasama politik yang diolah di antara BERSATU dan PAS juga membuahkan hasil apabila gabungan itu berjaya menyapu bersih kerusi parlimen yang dipertandingkan seperti di Kelantan, Terengganu, dan Perlis. Di Kedah, PN memenangi sebanyak 14 daripada 15 kerusi dan berbaki satu dikekalkan oleh PH. Di Pahang pula, PN dilihat mendominasi apabila sebanyak 7 kerusi berjaya dirampas manakala BN dan PH masing-masing meraih sebanyak 5 dan 2 kerusi. Mengejutkan lagi, PN membuat kejutan di Melaka dengan merampas 3 daripada 6 kerusi dan BN gagal untuk memenangi sebarang kerusi.

PN juga berjaya menggempur beberapa kubu kuat BN seperti di parlimen Mersing (Johor), dan beberapa lagi di Selangor seperti di kerusi Sabak Bernam, Sungai Besar, Tanjong Karang, dan Hulu Selangor. Malah kerusi status quo PH seperti di Kapar juga berjaya dirampas oleh PN. Di Pulau Pinang, 3 kerusi berjaya ditawan oleh PN iaitu Kepala Batas, Tasek Gelugor, dan Permatang Pauh. Calon PN Muhammad Fawwaz Mat Jan berjaya menamatkan penguasaan PKR di Permatang Pauh dengan menewaskan Nurul Izzah Anwar dengan majoriti sebanyak 5,272 undi. Ini adalah satu pencapaian yang luar biasa. Di dalam PRU15, hanya 3 negeri sahaja yang memilih untuk membubarkan dewan undangan negeri (DUN) seperti di Perlis, Pahang, dan Perak. Manakala selebihnya memilih untuk membubarkan DUN apabila telah mencapai tarikh tamat tempoh yang dijangkakan akan berakhir pada pertengahan 2023. Perubahan politik juga tidak ketinggalan berlaku di negeri-negeri yang terlibat dengan PRU15 ini.

Jadual 2. Keputusan PRU15 di Dewan Undangan Negeri (DUN)

Negeri	Dewan Undangan Negeri (DUN)			Jumlah Kerusi DUN
	Pakatan Harapan (PH)	Perikatan Nasional (PN)	Barisan Nasional (BN)	
Pahang	8	17	17	42
Perak	24	26	9	59
Perlis	1	14	0	15
Jumlah	33	57	26	116

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2022)

Di Perlis, PN mencatatkan prestasi yang memberangsangkan di mana sebanyak 14 dari 15 kerusi yang dipertandingkan berjaya dirampas dan berbaki satu dimenangi oleh PH iaitu DUN Indera Kayangan. Kejayaan ini sekaligus menamatkan pendominasian BN di negeri paling utara itu selama beberapa dekad dan perubahan ini dipercayai berpunca daripada gelombang 'hijau' yang bermula di Pantai Timur Kelantan dan Terengganu (Lihat Jadual 2). Prestasi yang sama juga dicatatkan di Perak di mana sebanyak 26 kerusi DUN berjaya dirangkul oleh PN dan berbaki 24 dan 9 dikekalkan oleh BN dan PH. Salah seorang pengundi di Perak mendedahkan kepada penulis bahawa beliau memangkah PH di peringkat parlimen, manakala di peringkat DUN, beliau memilih calon PN kerana untuk melihat perubahan yang boleh dilakukan oleh gabungan itu di peringkat negeri (Informan A, 2022: temu bual). Tidak menolak kemungkinan juga bahawa peralihan undi yang ketara daripada BN ke PN adalah berpunca daripada undi protes ke atas BN yang dilihat semakin tidak relevan di dalam konteks pengundi Melayu dan perpecahan dalaman yang berlaku di dalam UMNO (Nadzri & Azlan 2023).

Apabila PN mula menjenamakan simbol kepartian mereka sebagai satu alternatif baharu yang bebas daripada rasuah dan salah laku dan berideologikan semangat Melayu dan Islam telah menjadikan gabungan itu lebih menarik untuk disokong dan UMNO mula diabaikan walaupun bukan pada skala yang besar. Di Pahang pula, sebuah negeri yang sinonim sebagai kubu kuat BN-UMNO juga menyaksikan pertarungan yang sengit. PN mencatatkan keputusan seri bersama BN apabila masing-masing meraih sebanyak 17 kerusi DUN dan berbaki 8 hanya diraih oleh PH. Sejumlah kerusi luar bandar yang agak signifikan berjaya dirampas oleh PN dan jika trend peralihan ini kekal berterusan maka tidak mustahil bahawa pengundi Melayu luar bandar akan beralih sokongan sepenuhnya kepada PN. Dalam persaingan ini, ternyata PH mengalami defisit yang ketara dari konteks pengundi Melayu kerana gabungan itu masih lagi tidak berjaya untuk menambat hati orang Melayu dan ini dirumitkan lagi apabila sebahagian besar orang Melayu dilihat 'termakan' dengan naratif yang disampaikan oleh UMNO dan PAS pada pasca-PRU14. Malah, kedudukan DAP di dalam PH juga menyulitkan gabungan itu untuk mendapatkan sokongan orang Melayu terutama sekali pengundi luar bandar (Informan B, 2021: temu bual). Malah terdapat juga peralihan undi dari PH ke PN dan di atas justifikasi Melayu dan Islam, dan juga sentimen anti-DAP yang menebal (Informan C, 2022: temu bual) telah memposisikan PN beberapa langkah ke hadapan meninggalkan PH dan BN.

2. Trend Pengundian di 11 'Kerusi Panas'

Di dalam PRU15, terdapat peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 21,173,638 pengundi yang terdiri daripada pelbagai kaum. Setakat tahun 2020, pengundi Melayu mencatatkan bilangan yang tertinggi di beberapa negeri dan pengundi bukan Melayu mengatasi bilangan pengundi Melayu seperti di Pulau Pinang (51.3%), Sarawak

(30.2%), Sabah (15.2%) dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (49.8%) (Ab. Rahman & Manimaran 2021). Ini menjadikan persaingan kepartian itu semakin kompleks dan dibayangi oleh bentuk pengundian bercirikan etnisiti. Tidak ketinggalan juga penambahan jumlah pengundi baharu dan kategori ‘muda’ sebanyak 10.6 juta orang dan pembabitan pertama kali orang muda ini adalah hasil daripada rang undang-undang undi 18 yang telah diluluskan di parlimen pada 2019 sewaktu pentadbiran PH di mana seawal umur 18 tahun dibenarkan untuk mengundi. Pertambahan seumpama ini dijadikan pertautan khusus bagi gabungan parti politik untuk meletakkan fokus mereka kepada pengundi pertama kali di dalam PRU15 ini. Malah, temu bual tidak berstruktur penulis bersama dengan pengundi pertama kali sewaktu tempoh berkempen pilihan raya telah memberikan pandangan yang pelbagai. Sebahagian besar dari mereka bersetuju bahawa PRU15 ini perlu diadakan demi untuk memastikan kestabilan politik tempatan dipulihkan.

Jadual 3. Keputusan PRU14 dan PRU15 di 11 Kerusi ‘Panas’

Parlimen	Keputusan PRU14, 2018	Keputusan PRU15, 2022	Pertukaran Parti
P124 Bandar Tun Razak	Kamarudin Jaffar (PKR) Majoriti: 19,930	Wan Azizah Wan Ismail (PH - PKR) Majoriti: 9,817 (Menewaskan Kamarudin Jaffar dari PN-BERSATU)	Tidak
P98 Gombak, Selangor	Azmin Ali (PKR) Majoriti: 48,721	Amirudin Shari (PH - PKR) Majoriti: 12,729 (Menewaskan Azmin Ali dari PN-BERSATU)	Tidak
P99 Ampang, Selangor	Zuraida Kamaruddin (PKR) Majoriti: 41,956	Rodziah Ismail (PH - PKR) Majoriti: 29,681 (Menewaskan Zuraida Kamarudin dari PBM*)	Tidak
P47 Nibong Tebal, Pulau Pinang	Mansor Othman (PKR) Majoriti: 15, 817	Fadhlina Sidek (PH - PKR) Majoriti: 16,293 (Menewaskan Mansor Othman dari BERSATU)	Tidak
P82 Indera Mahkota, Pahang	Saifuddin Abdullah (PKR) Majoriti: 10,950	Saifuddin Abdullah (PN - BERSATU) Majoriti: 8,399 (Menewaskan Zuraidi Ismail dari PKR)	Ya
P140 Segamat, Johor	Santhara Kumar A/L Ramanaidu (PKR) Majoriti: 5,476	Yuneswaran Ramaraj (PH - PKR) Majoriti: 5,669 (Menewaskan Ramasamy Muthusamy dari BN – MIC)	Tidak
P150 Batu Pahat, Johor	Mohd Rashid Bin Hasnon (PKR) Majoriti: 17,894	Onn Abu Bakar (PH - PKR) Majoriti: 15,972 (Menewaskan Mohd Rashid Hasnon dari BERSATU)	Tidak
P214 Selangau, Sarawak	Baru Bian (PKR) Majoriti: 486	Edwin Banta (GPS - PRS) Majoriti: 4,986 (Menewaskan Umpang Sabang dari PKR)	Ya
P205 Saratok, Sarawak	Anak Biju (PKR) Majoriti: 989	Ali Biju (PN - BERSATU) Majoriti: 8,826 (Menewaskan Ibil Jaya dari PKR)	Ya
P198 Puncak Borneo, Sarawak	Willie Anak Mongin (PKR) Majoriti: 4,005	Willie Mongin (GPS - PBB) Majoriti: 13,338 (Menewaskan Diog Dios dari PKR)	Ya
P179 Ranau, Sabah	Jonathan Bin Yasin (PKR) Majoriti: 1,076	Jonathan Yasin (GRS - SABAH BERSATU) Majoriti: 11,092 (Menewaskan Taufik Dahlan dari PKR)	Ya

*PBM merujuk kepada Parti Bangsa Malaysia

Sumber: Suruhanjaya Pilihan Raya (2022)

Dihujahkan bahawa tumbangannya kerajaan PH pada lewat Februari 2020 adalah disebabkan oleh politik ‘khianat’ yang telah diolah oleh beberapa figura penting, selain daripada BERSATU, di dalam PH khususnya PKR. Jadual 3 di atas menunjukkan beberapa bekas ahli yang telah bertanding dan memenangi kerusi parlimen sewaktu PRU14 di bawah tiket PKR dan telah berpaling tadah dan mengalihkan sokongan mereka kepada gabungan PN. Keputusan PRU15 menunjukkan perkembangan yang positif bagi PKR. Walaupun tidak berjaya memenangi kesemua kerusi panas itu namun beberapa bekas tokoh besar di dalam parti berjaya dikalahkan. Hanya lima kerusi sahaja yang tidak berjaya dirampas semula oleh PKR, seperti contoh di Indera Mahkota (Pahang), dan beberapa kerusi lain di Selangau, Saratok, Puncak Borneo (Sarawak), dan Ranau (Sabah).

Kegagalan PKR untuk mencatatkan prestasi yang baik di Sarawak adalah diujikan oleh kerana faktor parti tempatan seperti Gabungan Parti Sarawak (GPS) yang diterajui oleh Parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) yang dilihat mendominasi landskap dan persekitaran politik negeri itu. Dengan itu, tidak hairan mengapa PKR gagal untuk membuat kejutan di Selangau dan ini adalah berdasarkan kepada prestasi parti tempatan yang memberikan saingan yang sengit kepada PKR yang dilihat sebagai parti 'semenanjung' yang tidak serasi dengan kepentingan orang tempatan terutama sekali di dalam konteks Sarawak.

Di ketiga-tiga kerusi itu, PBB dan PN-BERSATU berjaya menggandakan jumlah undi yang diperolehi dan walaupun PKR meletakkan calon anak tempatan namun ia masih tidak dapat menggugat kedudukan PBB selaku parti dominan di negeri itu. Walaubagaimanapun terdapat juga pengundi di Sarawak yang cenderung untuk melihat faktor calon itu sendiri dan sebahagiannya percaya bahawa Ali Biju mampu untuk membawa perubahan di kawasan itu (Informan D, 2023: temu bual). Ini menampakkan lagi dengan jelas bahawa identifikasi kepartian adalah satu pemboleh ubah yang signifikan untuk mengukur tahap sokongan di Sarawak. Berbeza sedikit di Ranau (Sabah) apabila Jonathan Bin Yasin yang telah memenangi kerusi itu di dalam PRU14 namun setelah beliau bertukar parti dan bertanding di bawah tiket Gabungan Rakyat Sabah (GRS)-BERSATU, beliau berjaya mengekalkan posisinya dan malah jumlah undi yang diraih di dalam PRU15 melebihi 10 ribu. Dihujikan bahawa implikasi kes di Ranau ini adalah didorong oleh faktor calon itu sendiri dan tidak terikat dengan kepartian (Annuar & Perman 2023).

Selain itu, trend pengundian di beberapa kerusi parlimen di semenanjung Malaysia didapati menurun sedikit. Seperti contoh di kerusi parlimen Bandar Tun Razak, Gombak, Ampang, dan Batu Pahat di mana PKR mengekalkan kemenangan mereka dengan kadar undian yang menurun dan majoriti undi yang diperolehi adalah berbeza dengan apa yang dimenangi oleh bekas penyandang kerusi tersebut. Dihujikan bahawa pengekalannya itu adalah disebabkan oleh faktor seperti 'kubu kuat'. Pengundi masih lagi memilih untuk mengekalkan PKR di kawasan-kawasan itu adalah disebabkan oleh pengaruh identifikasi kepartian yang tidak pudar dan jika dilihat kepada rekod pilihan raya sebelum ini, kerusi-kerusi berikut kekal di bawah PKR. Manakala terdapat peningkatan undian sedikit seperti di kerusi Nibong Tebal dan Segamat. Walaupun tidak signifikan namun disebabkan sistem pilihan raya di negara ini mengguna pakai kaedah *first-past-the-post* (FPTP) dan dengan hanya kelebihan walau satu undi sahaja sudah dikira layak untuk memenangi sesuatu kerusi itu. Dan Indera Mahkota merupakan satu-satunya kerusi di semenanjung yang tidak berjaya ditawan oleh PKR. Melalui tiket PN-BERSATU, Saifuddin Abdullah berjaya mengekalkan kemenangannya walaupun terdapat sedikit penurunan undi daripada apa yang pernah diperolehi sewaktu PRU14. Dihujikan bahawa faktor calon adalah penentu di sebalik kemenangan Saifuddin di Indera Mahkota. Dalam erti kata lain, trend pengundian di beberapa kerusi panas ini secara tidak langsung berkait rapat dengan perpecahan parti dan pertandingan melebihi dua penjur. Kemunculan parti baharu seperti Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) yang diasaskan oleh bekas perdana menteri Mahathir Mohamad selepas BERSATU bertindak meninggalkan PH dan bekerjasama dengan gabungan lain bagi membentuk PN. Walaupun PEJUANG terlibat secara langsung di dalam PRU15 namun ia tidak memberikan saingan yang sengit kepada parti-parti lain dan malah kesemua calon PEJUANG yang bertanding mengalami kekalahan teruk dan kehilangan deposit, termasuk Mahathir sendiri di mana beliau gagal mempertahankan kerusi nya iaitu parlimen Langkawi.

3. Strategi Mobilisasi dan Prestasi

Gerakan 'Langkah Sheraton' yang direncanakan oleh BERSATU dan beberapa ahli PKR yang terlibat dalam usaha untuk menggagalkan pentadbiran PH telah meninggalkan kesan politik yang amat dalam kepada PH. Walaupun parti seperti DAP dan AMANAH terlibat di dalam sebuah gabungan dan jentera pentadbiran yang sama namun ia tidak meninggalkan kesan 'kotor' kepada parti itu di atas sikap ahli mereka yang memilih untuk tidak memilih jalan yang menidakkan semangat demokrasi. Apa yang berlaku pada pasca-Langkah Sheraton adalah satu pengajaran bagi gabungan PH di mana mereka terpaksa bermula dari awal sebagai pembangkang dan menjalankan tugas kepembangkangan walaupun pada realitinya ia dihipit oleh bayangan autoritarianisme. Malah sarjana seperti Muhamad Takiyuddin (2020) juga tidak menolak dan berhujah bahawa kejatuhan PH dan kemerosotan legitimasi gabungan itu adalah, salah satu nya, berpunca daripada sifat, tingkah laku, dan keangkuhan DAP yang dilihat seolah-olah ingin bermaharajalela di peringkat persekutuan. Sebahagian besar orang Melayu juga melihat itu sebagai sesuatu yang mampu menggugat kedudukan dan hak istimewa orang Melayu dan Islam.

Perasaan ketidakpuasan hati itu dipendam dan sehinggalah 'butang' pertukaran rejim mula diaktifkan oleh figura-figura penting di dalam pengolahan naratif khianat ini. Bagi menyulitkan lagi proses integrasi etnisiti ini, ia diterjemahkan lagi ke satu bentuk pemahaman yang dikenali sebagai sentimen anti-DAP. Sewaktu penulis menjalankan pemerhatian lapangan di Melaka dan Johor, penulis mendapati bahawa sentimen sebegini masih lagi dijadikan sandaran dan kayu ukur untuk memilih parti yang bebas daripada DAP.

Apabila pembubaran parlimen diumumkan oleh Ismail Sabri pada Oktober 2022, maka ia adalah satu peluang keemasan bagi PH dan PKR untuk memaksimumkan jentera mereka sebaik mungkin. Malah, seawal September lagi PKR sudah mula mempersiapkan jentera mereka. Di antara strategi awal mereka adalah dengan menyediakan calon yang mereka rasa kuat dan mampu untuk menubangkang pengkhianat parti. Seperti di parlimen Gombak, PKR membuat keputusan untuk meletakkan menteri besar Selangor iaitu Amirudin Shari sebagai pencabar kepada Azmin Ali yang mewakili PN-BERSATU. Manakala di Bandar Tun Razak, Wan Azizah Wan Ismail mewakili PKR untuk merampas kerusi tersebut dari calon PN-BERSATU iaitu Kamarudin Jaffar (Wan Mohd Noor Hafiz, 2022). Selain itu, PKR juga memulakan ceramah mega di beberapa lokasi kerusi panas seperti di Gombak dan ia bertujuan untuk memberikan mesej kepada pengundi agar menolak dan menentang sekeras-kerasnya politik 'khianat' yang diamalkan oleh mereka yang mengkhianati perjuangan parti (Radzi 2022). Kesanggupan PKR untuk menggunakan pendekatan ceramah mega adalah satu indikator bahawa parti itu benar-benar mahu mengukuhkan naratif khianat yang ingin disampaikan oleh mereka kepada pengundi dan malah ia juga adalah teras dan fokus utama PH-PKR di dalam konteks persaingan kepartian di dalam PRU15. Dihujahkan bahawa strategi seperti ceramah politik ini merupakan salah satu daripada kelebihan PH untuk mengolah pemikiran orang ramai dan tidak menghairankan bahawa gabungan itu mampu untuk menarik ribuan orang untuk menghadiri ceramah pada satu masa.

Selain itu, kajian ini juga berhujah bahawa mobilisasi PH dan khususnya PKR adalah berteraskan kepada faktor Anwar. Sebagai pengerusi PH dan orang nombor satu di dalam PKR, Anwar dikelilingi oleh golongan yang bijak pandai dan setia dengan perjuangan beliau. Beliau juga disenangi oleh rakan parti yang lain seperti AMANAH dan DAP. Di atas justifikasi ini, beliau diangkat sebagai calon perdana menteri ke-10. Jika di dalam PRU14, Mahathir dilihat sebagai peneraju utama mobilisasi PH namun di dalam PRU15 Anwar mula memainkan peranannya yang tersendiri. Corak dan gaya berkempen PH-PKR dilihat agak mendahului di beberapa lokasi di semenanjung dan Sabah dan Sarawak. Strategi seperti ceramah mega adalah penggerak utama bagi PH-PKR dan bertemakan 'Jelajah Anwar Ibrahim', Anwar mengelilingi beberapa kawasan parlimen di dalam sesebuah negeri. Tidak terlepas pandang juga di mana PKR memberikan tumpuan kepada lokasi panas kerusi 'khianat' seperti di Bandar Tun Razak, Ampang, Segamat, Batu Pahat, dan lain-lain lagi. Seperti contoh, apabila Anwar mengadakan ceramah mega di kerusi parlimen Tampin, Negeri Sembilan, penulis melihat hampir seribu orang yang datang mendengar dari pelbagai jenis kaum. Melalui perbualan penulis bersama salah seorang jentera PKR pada waktu itu, beliau mendedahkan bahawa sebelum pemimpin parti turun ke sesuatu lokasi untuk menyampaikan ceramah politik, satu kajian dalaman akan dilakukan terlebih dahulu untuk melihat sentimen dan tahap penerimaan pengundi kepada parti. Jika hasil dapatan itu adalah tinggi maka lokasi itu akan dijadikan sebagai medan berkempen (Informan E, 2022: temu bual).

Seperti contoh di Negeri Sembilan, negeri bekas kubu kuat BN itu tidak terkesan dengan gelombang Langkah Sheraton tetapi tidak di Johor, Melaka, dan Perak di mana pertukaran kerajaan itu berlaku dengan mudah. Seperti yang dihujahkan, Negeri Sembilan tidak terkesan kerana BERSATU tidak memiliki kerusi DUN di situ dan itu adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada tidak berlakunya pengkhianatan di dalam kerajaan PH Negeri Sembilan (Syamsul Firdaus, 2022: temu bual). Ini memudahkan lagi mobilisasi PH-PKR di negeri itu dan di atas kesungguhan dan kekuatan yang dipamerkan oleh jentera di peringkat akar umbi maka naratif khianat itu boleh disampaikan dengan mudah. Selain itu, faktor Anwar juga menyumbang kepada keberkesanan kempen strategi di beberapa lokasi. Di dalam PRU15, Anwar adalah satu-satunya pemimpin parti yang memilih untuk tidak mempertahankan kerusi parlimen di mana beliau meninggalkan Port Dickson dan memilih untuk berhadapan dengan calon PN-BERSATU iaitu Ahmad Faizal Azumu di Tambun, Perak. Walaupun lawan Anwar adalah calon bukan dari PKR namun mesej yang ingin disampaikan adalah sama di mana pengundi harus menghukum pengkhianat yang terlibat di dalam gerakan menjatuhkan kerajaan PH.

Jaminan politik juga turut dinyatakan oleh Anwar di mana pengundi Melayu tidak perlu bimbang mengenai DAP sekiranya PH diberikan mandat untuk menjadi kerajaan kerana parti dominan Cina itu mengerti akan tuntutan dan menghormati Perlembagaan Persekutuan (Leong 2022). Strategi berkempen PKR turut dirancarkan lagi apabila satu ceramah politik di adakan di Flat Danau Kota yang terletak di bawah parlimen Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Ceramah mega itu menampilkan barisan calon-calon PKR di dalam PRU15 seperti Anwar, Rafizi Ramli, Zahir Hassan, dan lain-lain lagi. Mesej seperti penolakan ke atas pengkhianatan turut disampaikan oleh barisan penceramah dan beberapa isu seperti tadbir urus ekonomi, penyelewengan, dan politik perkauman yang menebal turut disentuh. Pada waktu itu, penulis mendapati lebih daripada dua ribu orang yang hadir untuk memberikan sokongan dan fenomena itu juga dirakam ke dalam bentuk yang mudah untuk dilihat dan diakses seperti YouTube, TikTok, Instagram, Facebook, dan sebagainya. Sebahagian besar yang hadir ke ceramah itu adalah pengundi di parlimen Gombak dan penulis juga sempat berbual dengan seorang pengundi di parlimen Wangsa Maju di mana beliau menyatakan ketidakpuasan hati beliau kepada Azmin dan akan mengarahkan seluruh ahli keluarganya yang mengundi di Gombak untuk memilih calon PKR Amirudin Shari. Di parlimen Ampang pula, PKR merencanakan lagi penyampaian mereka dengan menggunakan trap pikap yang dilengkapi dengan pembesar suara dan melalui beberapa lokasi yang strategik terutama sekali di kedai-kedai makan di mana calon PKR iaitu Rodziah Ismail akan bertemu dengan pengundi-pengundi di situ dan mengingatkan mereka akan peristiwa pengkhianatan yang direncanakan oleh bekas penyandang parlimen Ampang Zuraida.

Kesimpulan

Kajian ini dengan jelas menghujahkan bahawa naratif pengkhianatan yang disampaikan oleh PKR merupakan satu strategi yang efektif dan berkesan untuk merampas kembali kerusi yang pernah dimenangi oleh parti itu di dalam PRU14. Selain itu, naratif pengkhianatan ini juga disokong rapat oleh faktor seperti identifikasi kepartian yang menebal di kalangan sebahagian besar pengundi-pengundi di kesemua kerusi panas itu. Walaupun PKR tidak berjaya merampas kembali beberapa kerusi seperti di Indera Mahkota, Selangau, Saratok, Puncak Borneo, dan Ranau namun di dalam kerangka sistem FPTP ia merupakan satu pencapaian besar. Ini boleh dilihat menerusi prestasi PKR yang berusaha keras untuk mengekalkan status quo mereka di beberapa kerusi yang berjaya dikekalkan dengan menafikan prestasi parti lawan. Kajian ini juga tidak menolak beberapa faktor lain yang mempengaruhi keputusan PRU15 ini seperti keresahan ekonomi yang dilihat agak ketara di kalangan pengundi (Washida 2023). Walau bagaimanapun fokus utama kajian ini iaitu prestasi PKR di sebelas kerusi yang telah dikhianati oleh ahli mereka sebelum PRU15 memberikan satu gambaran yang masih kabur berkenaan dengan kemampuan usaha parti itu untuk mengekalkan kedudukan mereka dengan margin yang jauh lebih selesa dan cabaran persaingan kepartian yang semakin hangat dari semasa ke semasa.

Penghargaan: Terima kasih kepada semua pihak atas bantuan penerbitan artikel ini.

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan antara semua pihak-pihak yang telah terlibat dalam kajian ini.

Rujukan

- Ab. Rashid Ab. Rahman & G. Manimaran. (2021). *Pilihan Raya demokrasi Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Anuar, S. N. S., & Perman, A. A. (2023). Pilihan raya umum ke-15 di Sabah: Isu, trend, dan cabaran. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50(2), 200-223. <https://doi.org/10.17576/jebat.2023.5002.07>.
- Azlan, A. A., & Nadzri, M. M. N. (2023). Parliamentary motions under semi-authoritarian regime. *Parliaments, Estates & Representation*, 43(2), 127-148. <https://doi.org/10.1080/02606755.2022.2148505>.
- Azlan, A. A. & Mohamed Noor, M. N. (2023). Dari Barisan ke Perikatan: Politik, parti, dan pengundi Melayu dalam pilihan raya umum 2022. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 50(2), 137-153. <https://doi.org/10.17576/jebat.2023.5002.04>.
- Bartle, J. (2001). The measurement of party identification in Britain: Where do we stand now? *British Elections & Parties Review*, 11(1), 9-22. <https://doi.org/10.1080/13689880108413051>.

- Chin, J. (2023). Anwar's long walk to power: The 2022 Malaysian General Elections. *The Round Table*, 112(1), 1-13. <https://doi.org/10.1080/00358533.2023.2165303>.
- Lamare, J.W. (1984). Party identification and voting behaviour in New Zealand. *Political Science*, 36(1), 1-9. <https://doi.org/10.1177/003231878403600101>.
- Leong, I. (2022, November 4). DAP tak akan kuasai PH jika jadi kerajaan-Anwar. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/642565>
- Levitsky, S., & Way, L. A. (2010). *Competitive authoritarianism: Hybrid regimes after the cold war*. Cambridge University Press.
- Lockerbie, B. (2002). Party identification: Constancy and change. *American Political Research*, 30(4), 384-405. <https://doi.org/10.1177/1532673X02030004002>.
- Moten, A. R (2020). The politics of manipulation: Malaysia, 2018-2020. *Intellectual Discourse*, 28(2), 387-408. <https://doi.org/10.31436/id.v28i2.1653>.
- Muhamad Takiyuddin Ismail. (2020). Bagaimana DAP membuka jalan kepada Langkah Sheraton? Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail & Suffian Mansor. (pnyt.). *Tujuh hari panjang Saga Sheraton* (hlm. 139-162). Penerbit Universiti Malaya.
- Nadzri, M. M. N. (2022). In the name of covid-19: Democratic Reversal and the return of authoritarian Malaysia under Muhyiddin's Perikatan Nasional. *Intellectual Discourse*, 30(1), 107-133. <https://doi.org/10.31436/id.v30i1.1798>.
- Nadzri, M. M. N., & Azlan, A. A. (2023). UMNO in GE15: Factionalism and its effects. *The Round Table*, 112(3), 273-285. <https://doi.org/10.1080/00358533.2023.2219536>.
- Ostwald, K., & Nadzri, M. M. N. (2023). Malaysia in 2022: Election year, islamization and politics of compromise. *Asian Survey*, 63(2), 291-300. <https://doi.org/10.1525/as.2023.63.2.291>.
- Radzi, R. (2022, September 7). PKR to start 'mega ceramah' in seats held by its ex-lawmakers who 'betrayed' party this Sunday. *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2022/09/07/pkr-to-start-mega-ceramah-in-seats-held-by-its-ex-lawmakers-who-betrayed-party-this-sunday/26965>
- Soderlund, P., & Kekkonen, E. K. (2009). Dark side of party identification? An empirical study of political trust among radical right-wing voters. *Journal of Elections, Public Opinions and Parties*, 19(2), 159-181. <https://doi.org/10.1080/17457280902799014>.
- Syamsul, F. (2022, November 5). Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taman Medan, Selangor. Temu bual.
- Wan Mohd Noor, H. W (2022, September 25). PRU15: PKR sedia calon terkuat tumbangkan 'pengkhianat'. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/222866/berita/politik/pru15-pkr-sedia-calon-terkuat-tumbangkan-pengkhianat>
- Washida, H. (2023). Voting behaviour after the collapse of a dominant party regime in Malaysia: ethno-religious backlash or economic grievances? *The Round Table*, 112(3), 249-272. <https://doi.org/10.1080/00358533.2023.2219524>.